



**Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat**

**PANDUAN  
PENCEGAHAN PENULARAN COVID-19  
PASCA PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN  
BAGI KESELAMATAN WARGA  
TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK  
(TASKA)**

Berkuatkuasa pada 4 Mei 2020

Dikemaskini pada 22 Mei 2020

Dikemaskini2 pada 1 Jun 2020

## KANDUNGAN

<b>1.0</b>	<b>PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1	Apakah <i>Coronavirus</i> ?	1
1.2	Apakah gejala-gejala radang paru-paru ( <i>pneumonia</i> ) Covid-19	2
1.3	Bolehkah virus ini tersebar dari manusia ke manusia?	2
1.4	Siapakah yang berisiko untuk dijangkiti virus ini?	2
1.5	Adakah virus ini boleh meragut nyawa?	3
<b>2.0</b>	<b>PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENGUSAHA, PENGASUH DAN IBUBAPA</b>	<b>3</b>
2.1	Peranan dan tanggungjawab Pengusaha TASKA	
2.1.1	Sebelum TASKA beroperasi	3
2.1.2	Semasa TASKA beroperasi	4
2.1.3	Pengendalian kes bergejala	4
2.2	Peranan dan tanggungjawab Pengasuh	5
2.3	Peranan dan tanggungjawab Ibu bapa	6
<b>3.0</b>	<b>PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN DAN DIAMBIL TINDAKAN SEBELUM TASKA BEROPERASI</b>	<b>6</b>
<b>4.0</b>	<b>PERATURAN SEMASA MENGHANTAR KANAK-KANAK DI TASKA</b>	<b>12</b>
4.1	Langkah-langkah pencegahan yang patut diambil oleh semua kakitangan TASKA dan ibu bapa	12
4.1.1	Sebelum menghantar anak ke TASKA	12
4.1.2	Semasa ketibaan di TASKA	12
<b>5.0</b>	<b>PERATURAN SEMASA KANAK-KANAK DI TASKA</b>	<b>15</b>
5.1	Persekitaran ruang TASKA/ bilik/ ruang aktiviti	15
5.2	Pembelajaran/ aktiviti	16
5.3	Waktu makan/ menyusu	18
5.4	Waktu mandi dan menukar pakaian/ lampin	18
5.5	Waktu tidur/ rehat	19
<b>6.0</b>	<b>PERATURAN SEMASA MENJEMPUT KANAK-KANAK DI TASKA</b>	<b>19</b>
6.1	Langkah-langkah pencegahan yang patut diambil oleh semua kakitangan TASKA dan ibu bapa	19
6.1.1	Semasa menjemput anak di TASKA	19

<b>7.0</b>	<b>AMALAN PENCEGAHAN JANGKITAN</b>	<b>21</b>
7.1	Mesyuarat dan latihan kakitangan	21
7.2	Apakah tindakan yang perlu dilakukan jika bergejala	21
7.3	Langkah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat warga dalam TASKA disahkan positif Covid-19	22
<b>8.0</b>	<b>LAMPIRAN</b>	<b>25</b>
Lampiran 1	Apakah Coronavirus?	
Lampiran 2	Apakah Gejala-Gejala Radang Paru-Paru (Pneumonia) Covid-19?	
Lampiran 3	Bolehkah Virus Ini Tersebar Dari Manusia Ke Manusia?	
Lampiran 4	Panduan Penjagaan Kebersihan di Taska untuk Pencegahan Covid-19	
Lampiran 5	Borang Akuan Pengisytiharan Kesihatan Pekerja dan Kanak-kanak	
Lampiran 6	Borang Akuan Pengisytiharan Kesihatan Pekerja dan Kanak-kanak	
Lampiran 7	Panduan Penggunaan Penutup mulut dan hidung	
Lampiran 8	Panduan Mencuci Tangan dan Penggunaan Hand Sanitiser	
Lampiran 9	Amalan Mengurangkan Risiko Jangkitan Covid-19	
Lampiran 10	Disinfeksi dan pembersihan permukaan, pakaian dan peralatan	
Lampiran 11	<i>Annex 27: Covid-19: Management Guidelines For Special Settings</i>	

## 1.0 PENGENALAN

Panduan ini adalah dibangunkan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia atas arahan Majlis Keselamatan Negara susulan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (APPPB 1988) dan Akta Polis 1967. Pelaksanaan dan penguatkuasaan panduan ini oleh agensi kerajaan yang berkaitan adalah tertakluk kepada arahan dari semasa ke semasa oleh Majlis Keselamatan Negara berhubung pelaksanaan PKP.

Panduan keselamatan Covid-19 pasca Perintah Kawalan Pergerakan adalah sebagai punca rujukan yang perlu dipatuhi oleh TASKA yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan TASKA yang dikendalikan oleh agensi kerajaan termasuk Kementerian Perpaduan Negara (Perpaduan), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Bahagian GENIUS, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) dalam mengambil langkah berjaga-jaga bagi membendung penyebaran penyakit Covid-19 apabila TASKA dibenarkan beroperasi semula seperti yang diperintahkan oleh pihak berkuasa.

Pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah membuat keputusan untuk membenarkan pengoperasian semua jenis TASKA bermula 4 Mei 2020. Justeru, tanggungjawab pemantauan kepatuhan perlu dijalankan oleh pihak JKJ dan pihak berkuasa yang terlibat bagi mencegah berlakunya penularan jangkitan Covid-19 di TASKA. Pihak JKJ, Pengusaha TASKA, pemilik premis dan ibu bapa kanak-kanak hendaklah memainkan peranan penting bagi memastikan pematuhan *Standard Operating Procedure* yang telah ditetapkan.

### 1.1 Apakah *Coronavirus*? (Lampiran 1)

Coronavirus (CoV) adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Terdapat beberapa jenis *coronavirus* seperti *severe acute respiratory syndrome coronavirus* (SARS) dan *Middle East Respiratory*

*syndrome-related coronavirus* (MER-CoV). *Coronavirus* terbaru yang ditemui di China adalah *Coronavirus* 2019 (Covid-19). Jangkitan *Coronavirus* boleh menyebabkan spektrum gejala daripada selesema biasa kepada radang paru-paru (*pneumonia*) yang teruk.

## **1.2 Apakah gejala-gejala radang paru-paru (*pneumonia*) Covid-19**

Gejala radang paru-paru (*pneumonia*) Covid-19 adalah demam, batuk dan sukar bernafas. (Lampiran 2)

## **1.3 Bolehkah virus ini tersebar dari manusia ke manusia? (Lampiran 3)**

Virus ini boleh tersebar dari manusia ke manusia melalui cara berikut:

- Bersin ataupun batuk.
- Rembesan cecair daripada badan seperti hingus.
- Sentuhan seperti bersalaman.
- Sentuhan terhadap barangan seperti tombol pintu yang telah dicemari virus.
- Terkena najis yang telah dijangkiti virus ini.

## **1.4 Siapakah yang berisiko untuk dijangkiti virus ini?**

Golongan yang berisiko adalah golongan yang mempunyai daya tahan badan yang rendah seperti pesakit HIV, pesakit cancer, pesakit kronik seperti kencing manis, kanak-kanak, warga emas dan ibu mengandung.

## **1.5 Adakah virus ini boleh meragut nyawa?**

Ya, virus ini boleh menyebabkan banyak komplikasi kesihatan seperti kegagalan sistem pernafasan, kegagalan buah pinggang dan akhirnya menyebabkan kematian.

## **2.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENGUSAHA, PENGASUH DAN IBUBAPA**

### **2.1 Peranan dan tanggungjawab Pengusaha TASKA**

#### **2.1.1 Sebelum TASKA beroperasi**

##### **1. Latihan**

Pengusaha perlu mengadakan sesi taklimat dan latihan bagi memastikan pengasuh memahami Panduan Pencegahan Penularan Covid-19 Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Bagi Keselamatan Warga Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) serta membaca dan memahami tatacara pembersihan premis, kebersihan diri, penjarakan sosial seperti di lampiran. (Lampiran 4, 7, 8, 9, 10 dan 11)

##### **2. Bekalan untuk kebersihan diri**

Pengusaha perlu memastikan sabun tangan dan air yang mencukupi disediakan. Bagi TASKA yang mempunyai masalah bekalan air, *hand sanitizer* mesti disediakan.

##### **3. Peralatan saringan kesihatan kanak-kanak**

Pengusaha mesti menyediakan peralatan untuk menyaring suhu badan kanak-kanak. Jangkasuhu yang perlu digunapakai adalah dari jenis jangkasuhu infrared.

#### **4. Penyediaan bilik isolasi**

Pengusaha perlu menyediakan bilik isolasi bagi menempatkan kanak-kanak sebelum dibawa oleh ibu bapa untuk rawatan.

#### **2.1.2 Semasa TASKA beroperasi**

1. Pengusaha perlu memastikan bahawa pengasuh dan kanak-kanak menjalani saringan sebelum TASKA beroperasi setiap hari.
2. Pengusaha TASKA perlu sentiasa memantau penjarakan sosial dan amalan kebersihan yang betul diamalkan oleh pengasuh.

#### **2.1.3 Pengendalian kes bergejala**

1. Memantau bilangan kanak-kanak yang bergejala. Sekiranya terdapat peningkatan kanak-kanak bergejala, pengusaha TASKA perlu menghubungi ibu bapa untuk membawa anak untuk mendapatkan rawatan.
2. Sekiranya ada kanak-kanak atau pengasuh yang dikenalpasti sebagai kes positif Covid-19, TASKA perlu ditutup untuk disinfeksi. Pembukaan semula TASKA dengan penerimaan kanak-kanak perlu mendapat nasihat dari PKD.
3. Pengusaha TASKA hendaklah menyediakan tempat pembuangan sampah yang sesuai dan bertutup. Sampah perlu dibuang setiap hari.
4. Pengusaha hendaklah, mengelakkan perkongsian barang permainan.

**Nota: Pengusaha boleh mendapatkan bantuan bahan Pendidikan Kesihatan seperti infografik di web KKM dan latihan bersesuaian dari Pejabat Kesihatan Daerah yang berdekatan.**

## **2.2 Peranan dan tanggungjawab Pengasuh**

1. Pengasuh hendaklah mengisi Borang Akuan Pengisytiharan Kesihatan yang disediakan oleh pihak TASKA dan sekiranya bergejala, pengasuh adalah tidak dibenarkan hadir ke TASKA dan perlu memaklumkan lebih awal kepada pengusaha.
2. Pengasuh TASKA adalah bertanggungjawab untuk:
  - a. Menyaring setiap kanak-kanak di hadapan ibu bapa/penjaga sebelum masuk ke TASKA pada setiap hari. Kanak-kanak yang didapati bergejala atau demam tidak dibenarkan sama sekali memasuki TASKA.
  - b. Mencuci tangan menggunakan air dan sabun selama 20 saat sebelum dan selepas menyentuh dan mengendali kanak-kanak.
  - c. Membasuh tangan sebelum dan selepas menyediakan makanan dan minuman.
  - d. Membersihkan semua peralatan selepas TASKA ditutup setiap hari.
  - e. Membersihkan semua alat permainan setiap kali selepas digunakan.
  - f. Mengajar kanak-kanak cara membasuh tangan dengan betul setiap hari.
  - g. Mengamalkan penjarakan sosial di antara:
    - pengasuh dan pengasuh

- seorang kanak-kanak dengan kanak-kanak lain
- penjarakan sosial di ruang tidur dan ruang makan

### **2.3 Peranan dan tanggungjawab Ibu Bapa**

1. Sekiranya kanak-kanak adalah *Person Under Investigation* (PUI) di mana kanak-kanak adalah merupakan kontak rapat kepada pesakit Covid-19 di luar TASKA seperti ibu bapa atau saudara terdekat, ibu bapa bertanggungjawab memaklumkan kepada TASKA dengan mengisi Borang Akuan Pengisytiharan Kesihatan yang disediakan oleh pihak TASKA dan memaklumkan ketidakhadiran anak ke TASKA atas sebab status kesihatan anak.
2. Ibu bapa bertanggungjawab untuk mengambil dan membawa anak untuk mendapatkan rawatan dengan segera sekiranya menerima panggilan daripada TASKA untuk mengambil anak yang tidak sihat.

### **3.0 PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN DAN DIAMBIL TINDAKAN SEBELUM TASKA BEROPERASI**

1. Lakukan langkah pembersihan dan disinfeksi (nyahkuman) secara menyeluruh di dalam dan di luar kawasan TASKA sebelum memulakan pengoperasian. Gunakan tatacara dari Garis Panduan Pengendalian Kanak-Kanak di TASKA dan Pra TASKA, 2007. (Nota: Annex 36 dalam Garis Panduan Pengurusan Covid-19 di Malaysia adalah bagi menjalankan aktiviti pembersihan dan disinfeksi di persekitaran yang terdedah kepada kes positif Covid-19.)
2. Pengusaha perlu memaklumkan pengoperasian TASKA kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) yang berdekatan.

Pengusaha bertanggungjawab untuk memastikan garis panduan dipatuhi sepenuhnya.

3. Pastikan TASKA berada dalam keadaan yang selamat dan bersih untuk kanak-kanak, kakitangan di TASKA dan juga ibu bapa (**Lampiran 4**).
4. Pastikan Pengusaha dan semua kakitangan di TASKA dalam keadaan yang sihat serta tiada risiko jangkitan Covid-19 serta bersedia untuk bertugas.
5. Mengadakan saringan untuk gejala seperti demam dan batuk, sejarah perjalanan luar negara baru-baru ini dan pendedahan kepada pesakit positif Covid-19.
6. **Pengisytiharan kesihatan hendaklah dibuat** sama ada kakitangan TASKA atau kanak-kanak atau ibu bapa atau penjaga atau keluarga terdekat secara langsung atau tidak langsung terdedah kepada mereka yang dijangkiti Covid-19 atau penyakit berjangkit yang lain serta samada mereka baru pulang dari luar negara. **Borang pengisytiharan kesihatan** hendaklah diisi sebelum TASKA dibuka (**Lampiran 5, Lampiran 6**).
7. Kegagalan pengisytiharan maklumat dengan benar boleh menyebabkan kanak-kanak/keluarga tersebut digantung/dikeluarkan daripada premis TASKA. Keluarga berkenaan juga boleh dilaporkan kepada pihak berkuasa.
8. Menghadkan bilangan anak-anak jagaan di TASKA bagi memastikan ruang tidak terlalu sempit dan mengelakkan perhimpunan terjadi dengan mematuhi perkara 6.2.1 (b) di dalam Garispanduan Penubuhan Tadika dan TASKA 2012. Berdasarkan surat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 2 Mei 2020 bertajuk 'Operasi Pejabat Kerajaan Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)', kerajaan telah bersetuju bagi pegawai awam yang mempunyai

anak berusia 12 tahun ke bawah untuk dipertimbangkan kebenaran untuk bekerja dari rumah bagi mengurangkan risiko penularan penyakit Covid-19. Justeru, ibu bapa boleh berbincang dengan majikan tentang penggiliran penjagaan anak-anak. Ini adalah untuk mengurangkan jumlah kanak-kanak di TASKA dan memudahkan pengasuh menguruskan anak-anak mengikut garis panduan ditetapkan.

9. Kehadiran setiap kanak-kanak dan kakitangan TASKA serta pelawat perlu dicatat atas tujuan memudahkan proses penyiasatan oleh Pejabat Kesihatan Daerah.
10. Anak-anak *frontliners* perlu diberi perhatian dan penjagaan khusus bagi memelihara kesejahteraan mereka sementara ibubapa atau penjaga mereka bertugas. Perkara berikut perlu diambil kira:
  - a. Tempat yang paling selamat untuk anak-anak ini adalah penjagaan di rumah.
  - b. Anak *frontliners* sebaiknya berada di TASKA Tempat Kerja bagi memudahkan pemantauan dan penyelarasan penjagaan mereka. Dasar TASKA Tempat Kerja perlu diperkukuhkan untuk menyokong pembudayaan norma baharu.
  - c. Anak *frontliners* boleh dihantar ke TASKA yang sama dengan anak orang lain dengan syarat SOP di TASKA dipatuhi.
  - d. Sekiranya anak bergejala, mereka tidak boleh hadir ke TASKA.
  - e. Semua *frontliners* mesti mengamalkan langkah-langkah pencegahan jangkitan semasa bertugas seperti pemakaian alat perlindungan diri, amalkan kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau hand sanitizer.

11. Pemeriksaan simptom hendaklah dilakukan setiap hari sebelum masuk ke premis untuk semua kakitangan dan kanak-kanak TASKA.
12. Pelawat adalah tidak dibenarkan semasa operasi sehingga keadaan pulih sepenuhnya.
13. Jangan membenarkan sesiapa masuk ke kawasan TASKA, termasuk kakitangan dan kanak-kanak, yang berada dalam situasi berikut:
  - Tidak sihat;
  - Demam mahupun simptom “*flu*” seperti selesema, batuk, sakit tekak, kesukaran bernafas. Jika suhu badan  $37.5^{\circ}\text{C}$  dan ke atas, kakitangan atau kanak-kanak adalah dilarang untuk berada dalam TASKA;
  - Catat bilangan kanak-kanak dan kakitangan yang tidak sihat setiap hari untuk memantau status kesihatan kanak-kanak dan kakitangan di TASKA. Sekiranya didapati bilangan kes meningkat atau lebih dari biasa, lapor kepada Pejabat Kesihatan Daerah untuk penyiasatan.

Mereka harus balik ke rumah untuk berehat, dan hanya datang kembali setelah pulih sepenuhnya.

14. Kakitangan dan kanak-kanak yang pernah dalam kontak rapat dengan orang yang disahkan positif Covid-19 tidak dibenarkan hadir ke TASKA dalam tempoh 14 hari.
15. Kakitangan, ibu bapa dan penjaga harus segera memaklumkan pihak TASKA sekiranya mereka ataupun anak mereka pernah berkontak rapat dengan orang yang diuji positif Covid-19.

16. Semua kakitangan dan kanak-kanak yang baru pulang dari luar negara tidak dibenarkan hadir ke TASKA dalam tempoh 14 hari.
17. Panduan penggunaan penutup mulut dan hidung, penggunaan *hand sanitizer*, langkah mencuci tangan ditampal di sekeliling TASKA. **(Lampiran 7, Lampiran 8)**
18. Latihan kakitangan harus dilakukan untuk memastikan semua bersedia untuk mengambil langkah-langkah kebersihan dan keselamatan. Sila layari Infosihat atau Portal MyHEALTH dari KKM bagi mendapatkan poster dan video sebagai panduan.
19. Apabila kanak-kanak kembali ke TASKA, SEMUA kakitangan harus mengetahui:
  - a. Amalan kebersihan diri yang baik **(Lampiran 7, Lampiran 8, Lampiran 9)**
  - b. Prosedur saringan gejala
    - Demam, batuk dan sakit tekak;
    - sejarah perjalanan luar negara baru-baru ini; dan
    - sejarah pendedahan kepada pesakit positif Covid-19/ ahli keluarga rapat dengan gejala diatas.
  - c. Pengambilan suhu dengan betul
    - Bacaan suhu ketika demam adalah 37.5°C dan ke atas.
    - Jangan gunakan termometer mulut. Gunakan “termometer tanpa kontak” seperti alat pengimbas suhu digital dan termometer *infrared*.

- Semak garis panduan termometer untuk memastikan cara penggunaan yang betul, julat bacaan suhu biasa, dan arahan pembersihan.
- d. Cara membuat cairan disinfektan, disinfeksi dan pembersihan permukaan, pakaian serta peralatan **(Lampiran 10)**.
- e. Hal-hal lain yang harus diperhatikan **(Lampiran 11: Panduan KKM Annex 27 Appendix 1-3)**.
20. Taklimat langkah-langkah pencegahan jangkitan Covid-19 dan latihan pengendalian bagi mematuhi garis panduan harus dilakukan bagi memastikan kakitangan TASKA terutamanya pengasuh memahami tindakan yang perlu diambil untuk penjagaan kanak-kanak di TASKA. Pengusaha TASKA boleh mendapatkan khidmat nasihat PKD bagi memantau dan memastikan pengoperasian TASKA adalah mengikut garis panduan ditetapkan sebelum dibenarkan beroperasi.
21. Latihan kakitangan juga harus merangkumi latihan di TASKA untuk pelaksanaan aktiviti dengan anak-anak dan perkongsian maklumat dengan ibu bapa dan pelawat, serta cara untuk berkomunikasi secara jelas dan tegas.
22. Pelan komunikasi di antara pengusaha, pengasuh dan ibu bapa/penjaga perlu diwujudkan bagi memaklumkan dan menyampaikan kepada ibu bapa dan penjaga mengenai tindakan yang akan dilakukan oleh TASKA, melalui telefon atau pesanan individu. Terangkan mengapa TASKA mengambil langkah-langkah ini dan bagaimana ibu bapa dan penjaga dapat mempersiapkan diri dan anak-anak mereka untuk perubahan tersebut.

## 4.0 PERATURAN SEMASA MENGHANTAR KANAK-KANAK DI TASKA

### 4.1 Langkah-langkah pencegahan yang patut diambil oleh semua kakitangan TASKA dan ibu bapa:

#### 4.1.1 Sebelum menghantar anak ke TASKA

1. Ibu bapa digalakkan untuk mengambil suhu kanak-kanak sebelum menaiki kenderaan (sekiranya ada).
2. Pastikan anak basuh tangan dengan air dan sabun selama 20 saat sebelum masuk kenderaan. (**Nota: Penggunaan *hand sanitiser* dengan kerap adalah tidak sesuai terutamanya bagi kanak-kanak. Adalah lebih baik menggunakan air dan sabun.**)
3. Memakai penutup mulut dan hidung apabila keluar dari kenderaan. Penggunaan penutup mulut dan hidung adalah digalakkan.
4. Memastikan kanak-kanak adalah sihat sebelum dihantar ke TASKA. Jika sebaliknya, rehatkan kanak-kanak di rumah atau bawa ke klinik untuk pemeriksaan kesihatan.
5. Bersihkan dan disinfeksi permukaan yang kerap disentuh, di dalam kereta seperti tombol pintu, selusur tangan, tingkap dan tempat duduk secara berkala.

#### 4.1.2 Semasa ketibaan di TASKA

1. Aturkan waktu ketibaan kanak-kanak supaya tidak tiba serentak dengan menggunakan konsep '*drive-thru*' di mana ibu bapa/penjaga kekal di dalam

kereta dan sebolehnya tidak memasuki kawasan premis TASKA (mengikut kesesuaian lokasi dan jenis premis TASKA).

- a. Jadualkan waktu menurunkan kanak-kanak dalam bilangan kecil, dengan jarak waktu 5-10 minit.
  - b. Bilangan kanak-kanak disyorkan tidak melebihi 5 orang pada setiap waktu.
2. Saringan harian bagi suhu badan dan juga gejala Covid-19 kepada semua anak-anak jagaan sebelum masuk ke premis TASKA perlu dilakukan di luar pagar/ pintu premis (Mengikut kesesuaian lokasi dan jenis premis TASKA).
3. Ibu bapa/penjaga tidak dibenarkan memasuki kawasan TASKA.
- a. Hanya turunkan anak di pintu masuk TASKA
  - b. Pengasuh TASKA akan menyambut anak.
4. Cadangan yang boleh dilakukan untuk ibu bapa/penjaga yang menurunkan anak-anak:
- a. Kanak-kanak dan ibu bapa/penjaga harus tunggu di dalam kereta sehingga diberi isyarat untuk maju ke hadapan.
  - b. Sediakan kawasan menunggu sewaktu menurunkan kanak-kanak.
  - c. Penanda barisan berjarak 1 meter boleh digunakan sebagai panduan semasa menunggu.

- d. Ibu bapa/penjaga tidak boleh berkumpul di luar kawasan TASKA.
5. Kanak-kanak digalakkan memakai pelitup muka apabila keluar dari kenderaan. Kanak-kanak berusia bawah 2 tahun dan mereka yang tidak berupaya menanggalkan pelitup muka tidak boleh dipakaikan pelitup muka.
  6. Saringan gejala dan pemeriksaan suhu semasa ketibaan kakitangan dan Kanak-kanak hendaklah dilakukan seperti berikut:
    - a. Saringan gejala dan pemeriksaan suhu dilakukan di pintu masuk TASKA untuk setiap kakitangan, kanak-kanak dan pelawat.
    - b. Jadualkan kakitangan TASKA untuk membuat pemeriksaan kesihatan di pintu masuk.
    - c. Lantik sekurang-kurangnya 2 orang kakitangan yang bertugas secara bergilir-gilir (seorang sebagai "*back-up*"). Kakitangan harus mengamalkan kebersihan diri semasa pemeriksaan.
    - d. Sekiranya kanak-kanak tidak sihat atau suhu kanak-kanak adalah  $37.5^{\circ}\text{C}$  atau lebih, beritahu ibu bapa bahawa anak tersebut mesti balik dan berehat di rumah sehingga sembuh sepenuhnya.
    - e. Pegambilan suhu badan hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya 3 kali iaitu ketika menerima kanak-kanak ke TASKA, sebelum waktu tidur dan ketika kanak-kanak diserahkan

semula kepada ibu bapa pada waktu balik dari TASKA.

7. Letakkan *hand sanitizer* di tempat pemeriksaan dan nasihati individu yang memasuki kawasan TASKA untuk membersihkan tangan sebelum masuk. (Nota: Penggunaan hand sanitiser dengan kerap adalah tidak sesuai terutamanya bagi kanak-kanak. Adalah lebih baik menggunakan air dan sabun.)
8. Pelawat yang ingin berdaftar dan melawat TASKA boleh berurusan melalui telefon dan cuba menerima lawatan dalam masa yang tiada kanak-kanak.

## **5.0 PERATURAN SEMASA KANAK-KANAK DI TASKA**

### **5.1 Persekitaran ruang TASKA/ bilik/ ruang aktiviti**

1. Pastikan ruang TASKA/ bilik/ ruang aktiviti berada dalam keadaan yang selamat dan bersih untuk kanak-kanak dan kakitangan TASKA.
2. Tombol pintu, kerusi meja dan tempat yang selalu disentuh oleh orang ramai perlu dibersihkan sekurang-kurangnya dua kali sehari (tengah hari dan sebelum tamat waktu operasi).
3. Buka tingkap dan pintu untuk membantu aliran udara. Secara amnya, elakkan penggunaan penghawa dingin sekiranya boleh kerana ia hanya mengitar semula angin di dalam bilik.
4. Aturkan ruangan pembelajaran/ aktiviti (meja, kerusi, dsb) dengan penjarakan sekurang-kurangnya 1-meter antara satu sama lain.

5. Bersihkan dan sanitasikan bilik serta semua peralatan selepas setiap sesi penggunaan.
6. Simpan dan ketepikan serta tutup rapi barangan yang tidak digunakan, rak-rak, atau ruang simpanan untuk mengurangkan sentuhan tidak sengaja bagi mengurangkan risiko pencemaran.
7. Waktu pembersihan harus dijadualkan juga untuk memastikan ianya dijalankan dengan sebaik-baiknya. Waktu pembelajaran/ aktiviti mungkin terpaksa dihadkan.

## **5.2 Pembelajaran/ aktiviti**

1. Batalkan aktiviti berkumpulan.
2. Aturkan lebih banyak aktiviti individu di sekeliling bilik. Sekiranya boleh, asingkan buku-buku dan mainan di beberapa kawasan di sekeliling bilik, bukannya di atas satu rak sahaja.
3. Elakkan aktiviti yang memerlukan sentuhan di antara orang, contoh memegang tangan, bersalaman, "high 5", dan sebagainya.
4. Elakkan aktiviti yang memerlukan semua orang duduk di atas tikar.
5. Sebaliknya, ambil peluang untuk melibatkan kanak-kanak dalam aktiviti kurang formal, contohnya: membaca buku atau bercerita atau main peranan dengan satu atau dua pelajar dengan tidak melibatkan sentuhan antara kanak-kanak pada setiap sesi sepanjang hari.
6. Disinfeksi semua permukaan dan objek selepas setiap sesi penggunaan, sebelum giliran kumpulan seterusnya.

7. Meningkatkan kekerapan membasuh tangan dan memastikan bahan untuk membasuh tangan mudah dicapai.
8. Cadangan aktiviti sosial yang sesuai untuk penjarakan sosial yang selamat:
  - a. Muzik, menyanyi, menari (secara solo)
  - b. Bercerita atau main peranan
  - c. Seni dan kraftangan mudah
  - d. Senaman setempat, pergerakan setempat, senaman duduk
  - e. Menonton video, bermain mainan komputer (1 komputer setiap seorang)
  - f. Permainan sosial: “*Bingo*”, Permainan uji pengingatan, “*Guess Who*”, “*Connect Four*”, “*Tic-tac-toe*”, dan lain-lain.
9. Elakkan aktiviti yang tidak sesuai untuk penjarakan social yang selamat, contohnya:
  - a. Perkongsian mainan umum, bahan pengajaran dan peralatan
  - b. Berkongsi bilik terapi atau bilik mainan
  - c. Lawatan ke tempat-tempat awam
  - d. Aktiviti luar seperti taman permainan, bermain air, permainan deria, dan lain-lain

e. Perhimpunan awam/ mesyuarat berkumpulan

### 5.3 Waktu makan/ menyusui

1. Kanak-kanak dan kakitangan TASKA seharusnya makan di dalam bilik/ ruang masing-masing untuk mengekalkan penjarakan selamat.
2. Pastikan jarak kedudukan kanak-kanak adalah 1 meter di antara satu sama lain. (Letakkan penanda di atas lantai berjarak 1 meter bagi memudahkan kanak-kanak menentukan tempat untuk mereka duduk atau berdiri.)
3. Jangan berkongsi makanan ataupun perkakas.
4. Sekiranya penggunaan satu lokasi tempat makan am diperlukan, contohnya ruang makan umum, maka:
  - a. Jadualkan waktu makan kelas-kelas agar tidak bertindan dan bercampur.
  - b. Bersihkan permukaan (meja, kerusi) sebelum giliran kumpulan seterusnya.
5. Tukang masak ataupun pengendali makanan harus memakai penutup mulut dan hidung atau penutup mulut plastik (*spit-guard*) dan elakkan berinteraksi dengan kanak-kanak.
6. Makanan yang dibungkus secara individu digalakkan.
7. Pastikan kanak-kanak diberi makanan berkhasiat termasuk buah dan sayur bagi meningkatkan sistem imuniti badan mereka.

#### **5.4 Waktu mandi dan menukar pakaian/ lampin**

1. Mandikan kanak-kanak **SEORANG** demi seorang.
2. Basuh (bilas) tandas atau kawasan yang digunakan dengan cermat selepas setiap kali mandi atau sebelum kanak-kanak lain menggunakannya.
3. Tukarkan baju kanak-kanak **SEORANG** demi seorang.
4. Semasa menukarkan pakaian kotor kanak-kanak, pengasuh harus memakai penutup mulut dan hidung.
5. Terus memasukkan baju kotor ke dalam beg plastik dan tutupkannya.
6. Untuk lampin terpakai, buang segera ke dalam tong sampah tertutup.
7. Pengasuh dan kanak-kanak hendaklah membasuh tangan selepas menyalin baju.

#### **5.5 Waktu tidur/ rehat**

1. Setiap kanak-kanak, secara individu, harus dikhaskan katil/ tempat tidur, tilam, bantal, dan lain-lain yang **dilabelkan mengikut nama masing-masing.**
2. Kekalkan jarak kanak-kanak sebanyak 1 meter.
3. Sekiranya pengasuh diperlukan untuk membantu kanak-kanak sewaktu tidur siang, mereka perlu memakai penutup mulut dan hidung dan membasuh tangan sebelum dan selepas membantu kanak-kanak tersebut.

## **6.0 PERATURAN SEMASA MENJEMPUT KANAK-KANAK DI TASKA**

### **6.1 Langkah-langkah pencegahan yang patut diambil oleh semua kakitangan TASKA dan ibu bapa:**

#### **6.1.1 Semasa menjemput anak di TASKA**

1. Asingkan waktu pengambilan balik semua kanak-kanak. Aturkan kumpulan kecil kanak-kanak (3-5 orang) dalam satu-satu masa untuk dijemput oleh ibu bapa dengan jarak waktu 5-10 minit.
2. Ibu bapa/penjaga harus sampai ke TASKA sejurus sebelum waktu pengambilan yang ditetapkan untuk mengurangkan waktu menunggu, dan mengelakkan perkumpulan.
3. Sediakan ruangan menunggu untuk ibu bapa/penjaga mengambil anak-anak mereka. Letakkan penanda jarak 1 meter sebagai panduan ketika menunggu.
4. Memeriksa suhu setiap kanak-kanak, kakitangan, dan pelawat yang meninggalkan kawasan TASKA.
5. Semua kakitangan dan kanak-kanak digalakkan membasuh tangan dengan sabun sebelum meninggalkan TASKA. (Nota: Penggunaan hand sanitiser dengan kerap adalah tidak sesuai terutamanya bagi kanak-kanak. Adalah lebih baik menggunakan air dan sabun.)
6. Elakkan daripada membincangkan perihal anak dengan ibu bapa/penjaga di dalam kawasan TASKA untuk meminimalkan perkumpulan.

Sebaliknya, berkomunikasi melalui panggilan ataupun aplikasi telefon/buku catatan.

7. Kanak-kanak dan ibu bapa harus segera mandi setelah sampai ke rumah sebelum berinteraksi dengan ahli keluarga yang lain (elakkan daripada bersentuhan atau berpelukan).
8. Baju yang dipakai di TASKA harus direndam dengan air sabun.

## **7.0 AMALAN PENCEGAHAN JANGKITAN**

### **7.1 Mesyuarat dan latihan kakitangan**

1. Kurangkan mesyuarat fizikal dan latihan kakitangan, terutamanya yang tidak diperlukan.
2. Kendalikan mesyuarat melalui emel ataupun sidang video sekiranya boleh.
3. Pilih latihan atas talian sekiranya boleh.
4. Untuk latihan yang perlu dan tidak dapat dikendalikan secara atas talian:
  - a. Jarakkan tempat duduk peserta latihan sekurang-kurangnya 1 meter.
  - b. Elakkan aktiviti yang memerlukan kontak fizikal.
  - c. Kakitangan dinasihati supaya tidak berkumpul atau berbual.

## 7.2 Apakah tindakan yang perlu dilakukan jika bergejala

1. Mengisi Borang Akuan Pengisytiharan Kesihatan baharu.
2. Kakitangan atau kanak-kanak yang menunjukkan gejala adalah dilarang untuk berada di TASKA atau diasingkan (mengikut Peraturan 50 Peraturan TASKA 2012) dan dirujuk untuk nasihat perubatan (Peraturan 46 & 47 Peraturan TASKA 2012).
3. Kanak-kanak yang bergejala perlu diisolasi segera dan ibu-bapa perlu dimaklumkan untuk mengambil kanak-kanak tersebut dan membawa mereka ke klinik/hospital untuk disaring. Bilik pengasingan dalam TASKA perlu disediakan sebagai bilik isolasi sementara kanak-kanak ini diambil oleh ibubapa.
4. Kakitangan dan kanak-kanak yang dirujuk untuk nasihat doktor hendaklah mematuhi arahan seperti diperakui oleh pegawai perubatan mengikut Peraturan 48 Peraturan TASKA 2012.
5. Kakitangan yang mengendalikan kanak-kanak atau kakitangan yang bergejala harus memakai alat pelindung diri- penutup mulut dan hidung (*surgical mask 3 ply*), sarung tangan dan lain-lain alat pelindung diri yang bersesuaian. Sebaik-baiknya kakitangan yang bergejala diarah untuk mendapatkan rawatan/ kembali ke rumah untuk rehat.
6. Elakkan bersalaman atau bersentuhan dengan orang lain.
7. Pakai penutup mulut dan hidung sepanjang masa berada dalam TASKA dan apabila keluar.
8. Mengadakan penjarakan sosial dengan orang lain.

### **7.3 Langkah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat warga dalam TASKA disahkan positif Covid-19**

1. TASKA perlu ditutup dan dilakukan pembersihan dan disinfeksi sehingga keputusan sampel didapatkan. Sekiranya, kanak-kanak tersebut positif Covid-19, maka semua kanak-kanak di TASKA dan pengasuh yang merupakan kontak rapat kanak-kanak tersebut perlu disaring dan di ambil sampel Covid-19. Sekiranya, keputusan negatif, TASKA boleh dibenarkan beroperasi semula.
2. Pihak TASKA hendaklah memaklumkan kepada semua ibu bapa yang menghantar anak bahawa TASKA adalah diarah Tutup TASKA serta merta.
3. Jangan mendedahkan identiti kakitangan, kanak-kanak ataupun ibu bapa yang dijangkiti dan berkomunikasi dengan cara yang mampu mengelakkan stigma dan diskriminasi.
4. Berhubung dengan Pejabat Kesihatan berdekatan untuk mendapatkan khidmat nasihat.
5. Melakukan disinfeksi mengikut panduan KKM.
6. Buka pintu dan tingkap luar untuk membantu peredaran udara di kawasan tersebut.
7. Kakitangan kebersihan harus membersihkan dan medisinfeksi setiap kawasan (contoh pejabat, tandas, dan ruangan am) yang digunakan oleh orang yang dijangkiti, dengan memfokuskan permukaan yang sering disentuh.

8. Sekiranya permukaan kotor, ia harus dibersihkan dengan menggunakan bahan pencuci atau air sabun sebelum disinfeksi.
9. TASKA hanya beroperasi apabila tahap kebersihan dan keselamatan dipatuhi dan mendapat kebenaran dari Pejabat Kesihatan Daerah.

Disediakan oleh:

Jabatan Kebajikan Masyarakat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Disemak oleh:

Bahagian Kawalan Penyakit, Bahagian Pembangunan Kesihatan  
Keluarga, Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam dan Bahagian  
Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia

## **8.0 LAMPIRAN**

## Lampiran 1

### Apakah Coronavirus?



#### APAKAH ITU NOVEL CORONAVIRUS (2019-nCoV)?

**Novel Coronavirus (2019-nCoV)** adalah strain baru coronavirus yang sebelum ini tidak pernah dikenalpasti. Berdasarkan maklumat terkini, 2019-nCoV berjangkit dari individu ke individu melalui titisan pernafasan atau sentuhan.

#### GEJALA



Demam



Batuk



Sukar bernafas

#### LANGKAH PENCEGAHAN KEPADA PENGEMBARA, KHUSUSNYA KE CHINA DAN SELEPAS PULANG KE MALAYSIA

#### SENTIASA AMALKAN TAHAP KEBERSIHAN DIRI YANG TINGGI

Kerap cuci tangan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*).



#### SEMASA DALAM TEMPOH LAWATAN



**SEGERA DAPATKAN RAWATAN SEKIRANYA MENGALAMI GEJALA JANGKITAN SALURAN PERNAFASAN SEPERTI DEMAM, BATUK MAHUPUN KESUKARAN UNTUK BERNAFAS DALAM TEMPOH 14 HARI SELEPAS PULANG DARI LAWATAN TERSEBUT.**



## Lampiran 2

Apakah Gejala-Gejala Radang Paru-Paru (*Pneumonia*) Covid-19?

# | BERSAMA TANGANI WABAK COVID-19

**Kenali Gejala:**



**Demam**



**Batuk**



**Sesak nafas**



**Dapatkan bantuan perubatan sekiranya:**

- ✓ Mengalami gejala di atas
- ✓ Berhubung rapat dengan pesakit positif
- ✓ Pernah pergi ke negara yang mengalami wabak



**Hubungi CPRC Kebangsaan/Negeri/Klinik Maya untuk tindakan lanjut.**

### Pencegahan:



Kerap cuci tangan dengan sabun sekurang-kurangnya 20 saat setiap basuhan



Elak menyentuh mata, hidung & mulut dengan tangan yang tidak dicuci



Cuci tangan terutamanya selepas batuk/bersin, sebelum dan selepas ke tandas, sebelum makan atau menyediakan makanan.



Duduk di rumah sekiranya anda sakit



Tutup mulut dengan tisu ketika batuk/bersin, buang tisu tersebut ke dalam tong sampah



**Jangan terlambat untuk mendapatkan rawatan!**

Sumber: CDC



## Lampiran 3

### Bolehkah Virus Ini Tersebar Dari Manusia Ke Manusia?

**HOW DOES THE VIRUS SPREAD?**

Coronaviruses can spread via respiratory secretions:

**A** Coughing and sneezing by an infected person.

**B** Direct physical contact with an infected person.

**C** Touching or coming in contact with surfaces or objects contaminated with the virus.

## Panduan Penjagaan Kebersihan di Taska untuk Pencegahan Covid-19

  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MALAYSIA

### LANGKAH PENCEGAHAN COVID-19 DI SEKOLAH DAN TEMPAT KERJA

Pengurusan sekolah perlu melakukan nyahkuman / disinfeksi permukaan yang mudah dicemari kuman seperti:

1. Kerusi
2. Meja
3. Tombol pintu
4. Papan kekunci komputer.

Pejabat perlu kerap melakukan nyahkuman / disinfeksi permukaan yang mudah dicemari kuman seperti:

1. Ruang kerja
2. Kaunter perkhidmatan
3. Tombol pintu
4. Papan kekunci komputer

Sekiranya terdapat warga sekolah / pekerja yang disahkan positif COVID-19, sekolah / pejabat tidak perlu ditutup. Memadai kerap lakukan nyahkuman / disinfeksi.

Pakai penutup mulut dan hidung (*mask*) jika bersejela.

Basuh tangan dengan sabun dan air atau *hand sanitizer*.

Jarakkan diri sejauh satu (1) meter sekiranya bersejela dan nampak orang bersejela.



## Lampiran 5

### Borang Akaun Pengisytiharan Kesihatan Pekerja

AKUAN PENGISYTIHARAN KESIHATAN BAGI PEKERJA											
Nama:											
No. K/P:	Bangsa:										
Alamat Tempat Tinggal:											
No. Tel (HP):	Email:										
Alamat Kampung Ibu/Bapa:											
No Tel Ibu/Bapa:	No. Tel Rumah:										
Jika balik kampung, bagaimana anda balik ke tempat kerja? *Tanda (✓) untuk "Ya" <input type="checkbox"/> Kenderaan sendiri <input type="checkbox"/> Tumpang kawan/ keluarga lain <input type="checkbox"/> Kenderaan awam <input type="checkbox"/> Lain-lain, nyatakan:											
Tahap Kesihatan: Dalam masa 2 minggu lepas *Tanda (✓) untuk "Ya" <input type="checkbox"/> Adakah anda demam <input type="checkbox"/> Masalah pernafasan <input type="checkbox"/> Batuk <input type="checkbox"/> Selsema <input type="checkbox"/> Sakit Tekak <input type="checkbox"/> Lain-lain, nyatakan:											
Adakah ahli keluarga lain atau sesiapa yang tinggal bersama anda semasa tempoh PKP? Nyatakan.											
Sejarah perjalanan semasa tempoh PKP. Adakah anda pernah pergi ke: <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50px;"></td> <td>Luar negara. Jika ya nyatakan:</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Melawat hospital atau orang sakit</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Menghadiri perhimpunan ramai</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Menghadiri majlis keagamaan</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Menghadiri majlis keramaian</td> </tr> </table> Tanda (✓) untuk "Ya"			Luar negara. Jika ya nyatakan:		Melawat hospital atau orang sakit		Menghadiri perhimpunan ramai		Menghadiri majlis keagamaan		Menghadiri majlis keramaian
	Luar negara. Jika ya nyatakan:										
	Melawat hospital atau orang sakit										
	Menghadiri perhimpunan ramai										
	Menghadiri majlis keagamaan										
	Menghadiri majlis keramaian										
Adakah anda dan keluarga anda ada berhadapan dengan orang yang positif Covid19, contact atau disyaki? Ya/tidak											
Saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar dan betul. Saya sesungguhnya faham sekiranya apa-apa maklumat yang saya berikan atau pengesahan ini tidak benar, tidak betul atau palsu, saya boleh dikenakan tindakan dibawah peruntukan mana-mana undang-undang. Walau bagaimanapun, borang akaun pengisytiharan kesihatan yang baru hendaklah diisi jika ada perubahan maklumat di atas selepas hari ini. Akuan ini di buat oleh:											
No. K/P:											
Tandatangan:	Tarikh:										

## Lampiran 6

## Borang Akaun Pengisytiharan Kesihatan Kanak-Kanak

AKUAN PENGISYTIHARAN KESIHATAN BAGI KANAK-KANAK								
Nama kanak-kanak:								
Nama ibu:				No K/P:				
				No. Telefon:				
Nama bapa:				No K/P:				
				No. Telefon:				
Alamat Tempat Tinggal:								
Alamat Kampung Ibu/Bapa:								
No Tel Ibu/Bapa:				No. Tel Rumah:				
Maklumat adik-beradik kanak-kanak								
Bil	Nama	Umur	Tahap Kesihatan: Dalam masa 2 minggu lepas adalah: *Tanda (✓) untuk "Ya"					Lain-lain
			Demam	Batuk	Selsema	Sakit Tekak	Masalah Penafasan	
1								
2								
3								
4								
5								
Semasa tempoh PKP, adakah kanak-kanak dan adik-beradik tinggal bersama ibu bapa? Jika tidak, sila nyatakan alamat dan hubungan penjaga bersama kanak-kanak.								
Adakah ahli keluarga lain atau sesiapa yang tinggal bersama kanak-kanak dalam tempoh PKP?								
Sejarah perjalanan semasa tempoh PKP. Adakah kanak-kanak pernah pergi ke:								
	Luar negara. Jika ya.							
	Nyatakan:.....							
	Melawat hospital atau orang sakit							
	Menghadiri perhimpunan ramai							
	Menghadiri majlis keagamaan							
	Menghadiri majlis keramaian							
Tanda (✓) untuk "Ya"								
Adakah kanak-kanak dan keluarga pernah berhubung dengan orang yang disahkan atau disyaki positif Covid19?								
Saya .....No. K/P..... sebagai ibu/bapa/penjaga berjanji tidak akan menghantar kanak-kanak di atas ke TASKA sekiranya kanak-kanak didapati tidak sihat. Saya memahami bahawa pihak pengurusan TASKA boleh tidak menerima anak saya sekiranya tidak berpuas hati dengan tahap kesihatan kanak-kanak. Kanak-kanak hendaklah dirujuk kepada pegawai perubatan sebagaimana dalam Peraturan TASKA 2012.								
Saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa semua maklumat yang dinyatakan di atas adalah benar dan betul. Saya sesungguhnya faham sekiranya apa-apa maklumat yang saya berikan atau pengesahan ini tidak benar, tidak betul atau palsu, saya boleh dikenakan tindakan dibawah peruntukan mana-mana undang-undang. Walau bagaimanapun, borang akaun pengisytiharan kesihatan yang baru hendaklah diisi jika ada perubahan maklumat di atas selepas hari ini. Aku ini di buat oleh:								
No. K/P:								
Tandatangan:				Tarikh:				

### Panduan Penggunaan Penutup mulut dan hidung

## HOW TO WEAR A MEDICAL MASK SAFELY

[who.int/epi-win](http://who.int/epi-win)

### Do's →

-  Wash your hands before touching the mask
-  Inspect the mask for tears or holes
-  Find the top side, where the metal piece or stiff edge is
-  Ensure the colored-side faces outwards
-  Place the metal piece or stiff edge over your nose
-  Cover your mouth, nose, and chin
-  Adjust the mask to your face without leaving gaps on the sides
-  Avoid touching the mask
-  Remove the mask from behind the ears or head
-  Keep the mask away from you and surfaces while removing it
-  Discard the mask immediately after use preferably into a closed bin
-  Wash your hands after discarding the mask

### Don'ts →

-  Do not Use a ripped or damp mask
-  Do not wear the mask only over mouth or nose
-  Do not wear a loose mask
-  Do not touch the front of the mask
-  Do not remove the mask to talk to someone or do other things that would require touching the mask
-  Do not leave your used mask within the reach of others
-  Do not re-use the mask

**Remember that masks alone cannot protect you from COVID-19. Maintain at least 1 metre distance from others and wash your hands frequently and thoroughly, even while wearing a mask.**

**EPI·WIN**  World Health Organization

## Lampiran 8

### Panduan Mencuci Tangan dan Penggunaan Hand Sanitiser

**7 LANGKAH PENCUCIAN TANGAN YANG EFEKTIF**

- Lekapkan kedua telapak tangan dan gosok.
- Lekap telapak tangan kanan di atas dosum tangan kiri dengan jari bersilang dan gosok. Ulangi langkah ini di tangan kiri.
- Lekapkan kedua telapak tangan dengan jari bersilang dan gosok.
- Genggam jari tangan kiri, guna tapak tangan kanan, gosok bahagian dosum, buku jari dan jari tangan kiri. Ulangi langkah ini di tangan kanan.
- Gosok sekeliling ibu jari kiri dalam genggaman telapak tangan kanan dan sebaliknya.
- Kuncupkan jari tangan kanan di atas telapak tangan kiri dan gosok secara pularan ke hadapan dan ke belakang. Ulangi langkah ini di tangan kanan.
- Gosok secara pularan di pergelangan tangan kiri. Ulangi langkah ini di tangan kanan.

Kementerian Kesihatan Malaysia  
UKK@MOH

**LANGKAH CUCI TANGAN MENGGUNAKAN HAND SANITIZER**

Tempoh prosedur hanya mengambil masa 20-30 saat.  
"Gunakan *hand sanitizer* apabila tiada air dan sabun"

- Tuang *hand sanitizer* ke tapak tangan kiri, ratakan dengan jari tangan kanan, kemudian lakukan sebaliknya.
- Gosok kedua-dua tapak tangan.
- Gosok belakang tangan dan celah jari.
- Gosok setiap jari dan celah jari.
- Gosok belakang jari kanan ke tapak tangan kiri. Ulang untuk kedua-dua tangan.
- Gosok ibu jari tangan kiri dalam genggaman tangan kanan dengan gerakan memutar, dan lakukan untuk ibu jari sebaliknya.

Kementerian Kesihatan Malaysia | myhealthkkm | MSHEALTH | Sumber: Policies and Procedures on Infection and Control

## Amalan Mengurangkan Risiko Jangkitan Covid-19



# KURANGKAN RISIKO JANGKITAN NOVEL CORONAVIRUS (2019-nCoV):



1.

Tutup mulut dan hidung menggunakan tisu apabila batuk dan bersin. Buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah.

2.

Kerap cuci tangan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*).



3.

Pakai penutup mulut dan hidung (*mask*) apabila terpaksa berhubung / berurusan dengan orang lain.

4.

Pastikan anda menjaga kebersihan diri sepanjang masa.



## Lampiran 10

### Disinfeksi dan pembersihan permukaan, pakaian dan peralatan

Bahan	Tujuan	Larutan yang disarankan	Paras klorin dalam larutan
Peluntur	Membersihkan rembesan air liur, nanah dan lain-lain; di lantai dan permukaan	Campurkan satu (1) bahagian chlorox dengan 99 bahagian air paip.	0.05% atau 500 ppm
	Campuran kepada pakaian yang tercemar. Merendam mainan atau peralatan lain.	Campurkan satu (1) bahagian chlorox dengan 500 bahagian air paip.	0.01% atau 100 ppm

*Rujukan: Garispanduan Pengendalian Kanak-Kanak Di Taska Dan PraTASKA, 2007*

**Nota:** Larutan peluntur tidak boleh disimpan kerana kekuatan bancuhan akan berkurangan apabila telah bercampur dengan bahan organik atau setelah digunakan. Pastikan tiada bahan lain ditambah kepada bancuhan peluntur kerana ia mungkin menyebabkan tindakbalas yang tidak diingini.

#### Lantai:

Pastikan lantai dibersihkan setiap habis sesi. Jika pembersihan dilakukan semasa ada kanak-kanak, pastikan permukaan lantai dikeringkan bagi mengelakkan kemalangan.

#### Permaidani / tikar:

Peralatan ini perlu di bersihkan menggunakan alat pembersih hampagas (vacuum cleaner) secara berkala. Basuh dengan menggunakan syampu permaidani jika perlu.

#### Alat Permainan:

Permainan hendaklah dibersihkan dan didisinfeksi terutama jika ia digunakan oleh kanak-kanak yang suka menggigit permainan. Ia hendaklah didisinfeksi

menggunakan larutan chlorox 0.01%. Pastikan permainan dibilas dan dikeringkan sebelum digunakan semula.

**Tandas:**

Bersihkan tandas setiap kali digunakan. Gunakan larutan chlorox 0.01%.

## Disinfeksi untuk TASKA yang mempunyai kes disahkan positif Covid-19

**COVID-19**

### PANDUAN DISINFEKSI ATAU NYAHKUMAN

#### PERMUKAAN YANG KERAP DISENTUH

- Tombol Pintu
- Kepala Paip
- Suis Lampu
- Pemegang Flush Tandas
- Rail Tangga
- Karpét
- Sinki
- Meja

#### PERALATAN NYAHKUMAN

- Mop
- Botol penyembur
- Baldi
- Air
- Kain Lap
- Sarung tangan getah
- Cecair Peluntur
- Penutup Hidung dan Mulut
- Sabun Pencuci
- Penyembur nyahkuman
- Penyedut habuk (Vacuum Cleaner)

#### SUKATAN PELUNTUR

SATU (1) LITER CECAIR PELUNTUR\*

\*DISINFEKTAN : CECAIR PELUNTUR KOMERSIAL ATAU CECAIR MENDUNGUNI 70% ALKOHOL

+

SEMBAIAN (9) LITER AIR

Cecair peluntur komersial hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya 5% kepekatan *SODIUM HYPOCHLORIDE* (rujuk label pada botol cecair peluntur komersial). Setiap bancuhan hanya boleh digunaksekali sahaja.

**PASTIKAN ANDA TIDAK MENAMBAH BAHAN LAIN UNTUK MENGELAKKAN TINDAK BALAS YANG TIDAK DIINGINI**

**CUCI TANGAN SEBELUM DAN SELEPAS MELAKUKAN DISINFEKSI**

Kementerian Kesihatan Malaysia | myhealthkkm | MyHEALTH | SCAN ME

Dapatkan nasihat dari Pejabat Kesihatan Daerah dalam kawasan operasi TASKA

## Lampiran 11

### **Annex 27: COVID-19: MANAGEMENT GUIDELINES FOR SPECIAL SETTINGS**

[http://moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Garis%20Panduan/COVID19/Annex\\_27\\_COVID\\_guide\\_for\\_special\\_settings\\_25032020\\_.pdf](http://moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Garis%20Panduan/COVID19/Annex_27_COVID_guide_for_special_settings_25032020_.pdf)

#### **APPENDIX 1**

*Personal hygiene and respiratory etiquette*

- *Good personal hygiene should be observed at all times. Regular hand hygiene by washing with soap and water or use hand sanitizer*
- *Maintain at least 1 meter (3 feet) distance between yourself and anyone who is coughing or sneezing.*
- *Avoid touching eyes, nose and mouth*
- *Cover nose and mouth with a tissue when sneezing or coughing*
- *Put used tissue in a waste basket*
- *If no tissue available, use upper sleeve or elbow instead of hands while sneezing and coughing.*

#### **APPENDIX 2**

##### **Guidelines for Hand Hygiene**

*Wash hands with soap and water or alcohol-based hand sanitizer after any contact with respiratory secretions*

- *Remove jewelry before hand wash procedure.*
- *Rinse hands under warm running water*
- *Lather with soap; cover all surfaces of the hands and fingers using friction.*
- *Rinse under warm running water.*
- *Dry hands thoroughly with a disposable towel*
- *Turn off faucet without recontaminating hands.*
- *Keep fingernails short and do not use fingernail polish or artificial nails.*
- *Alcohol-based hand sanitizer may be used to decontaminate hands that are not visibly soiled o Apply alcohol-based hand sanitizer to palm of one hand and rub hands together, covering all surfaces of hands and finger, until hands are dry.*

## **Respiratory Etiquette**

- *Cover mouth and nose with bend of elbow or tissue if coughing or sneezing.*
- *Throw tissue in the trash after using it*
- *Wash hands with soap and water or use hand sanitizer*

## **APPENDIX 3**

### **Guidelines on wearing surgical masks (3Ply)**

1. *If you have running nose or flu like symptoms, you are advised to stay at home. If you need to go out, make sure you wear a surgical mask.*
2. *Avoid crowded places. Wear a surgical mask if you cannot avoid them*
3. *Wash hands before wearing a surgical mask and after taking one off.*
4. *When wearing surgical mask, the following should be noted:*
  - 4.1 *The face mask should fit snugly over the face*
  - 4.2 *The coloured side of the mask should face outside*
  - 4.3 *Tie all the strings that keep the mask in place*
  - 4.4 *The mask should fully cover the nose, mouth as well as the chin.*
  - 4.5 *The metallic wire part of the mask should be fixed securely over the bridge of the nose to prevent leakage*
  - 4.6 *The surgical mask should not be used more than a day but if it is wet, damaged or soiled by secretions or body fluid at any time, change the mask immediately.*
  - 4.7 *Discard all used surgical masks into a plastic bag which should then be tied properly before disposing it into a rubbish bin.*